

BAHAGIAN A
[20 markah]
Jawab semua soalan

Soalan 1 hingga soalan 20

Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan A, B, C, dan D. Tandakan jawapan yang tepat pada kertas soalan.

1. Pilih pernyataan yang benar berkaitan dengan keimanan kepada al-Quran.
 - A Al-Quran adalah sumber rujukan utama umat Islam.
 - B Al-Quran membicarakan tentang hal-hal keduniaan sahaja.
 - C Al-Quran sesuai untuk panduan kepada orang Arab.
 - D Al-Quran tidak akan kekal hingga hari akhirat.
2. Antara yang berikut yang manakah bukan bukti Allah SWT bersifat “al-Qawiyyu”?
 - A Allah SWT berkuasa memberi rezeki kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya.
 - B Allah SWT berkuasa mengazab sesiapa yang melakukan dosa.
 - C Allah SWT berkuasa menarik balik nikmat yang diberi.
 - D Allah SWT tidak menguasai seluruh alam ciptaan-Nya.

- Nabi Musa a.s
 - Nabi Muhammad SAW
 - Nabi Ibrahim a.s
 - Nabi Isa a.s
 - **X**

3. Siapakah nama nabi ululazmi yang bertanda **X**?
 - A Nabi Zakaria a.s
 - B Nabi Adam a.s
 - C Nabi Nuh a.s
 - D Nabi Hud a.s
4. Antara yang berikut yang manakah **bukan** syarat wajib solat?
 - A Islam
 - B Baligh
 - C Berakal
 - D Menutup aurat

5. Pilih pernyataan yang menerangkan tentang tugas-tugas rasul.

- I Mengajar manusia cara beribadat yang betul.
- II Menyelesaikan masalah yang berlaku sesama manusia.
- III Menjadi contoh teladan kepada manusia.
- IV Meramal nasib manusia pada masa hadapan.

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan III
- D II dan IV

6. Pilih pernyataan yang **tidak benar** mengenai tugas malaikat.

- A Jibril - Menyampaikan wahyu
- B Israfil - Menurunkan hujan
- C Raqib - Mencatatkan amalan baik
- D Izrail - Mencabut nyawa

Wajib dilafazkan dengan suara sekadar
Didengari telinga sendiri dan bukan
dalam hati ketika solat.

7. Pernyataan di atas merujuk kepada _____.

- A rukun solat
- B rukun qalbi
- C rukun qauli
- D rukun fi'li

8. Berikut adalah syarat menjadi imam **kecuali**

- A lelaki untuk semua makmum dan wanita hanya untuk jemaah wanita sahaja.
- B imam boleh membaca al-Fatihah dengan sebutan yang betul.
- C makmum meyakini sahnya solat imam.
- D suara imam hendaklah merdu.

- Ilmu perubatan
- Ilmu pertanian
- Ilmu ekonomi

9. Pernyataan di atas merujuk kepada perkara _____.

- A fardu ain
- B fardu kifayah
- C ibadat khusus
- D ibadat umum

- i. Mengkafankan
- ii. Mengebumikan
- iii. Memandikan
- iv. Menyembahyangkan

10. Berdasarkan pernyataan di atas pilih susunan yang betul dalam pengurusan jenazah.

- A iii - iv - i - ii
- B iii - i - iv - ii
- C iv - iii - i - ii
- D i - iii - iv - ii

- Ibunya ialah Aminah binti Wahab
- Memiliki rupa paras yang tampan
- Digelar “al-Amin”

11. Pernyataan di atas merujuk kepada _____.

- A Nabi Daud a.s
- B Nabi Adam a.s
- C Nabi Zakaria a.s
- D Nabi Muhammad SAW

Agama samawi yang diubahsuai daripada ajaran nabi Isa mengikut keinginan penganutnya. Mereka mempercayai nabi Isa sebagai anak Tuhan.

12. Pernyataan di atas merujuk kepada

- A Agama Hanif
- B Agama Nasrani
- C Agama Yahudi
- D Agama Menyembah Berhala

13. Antara faktor kejayaan dakwah Rasulullah SAW ialah _____.

- A tentangan hebat daripada orang kafir.
- B kekayaan yang dimiliki oleh Rasulullah SAW.
- C Rasulullah SAW ditawarkan dengan pelbagai kemewahan.
- D keunggulan peribadi Rasulullah SAW.

15. Berikut adalah akibat tiada sikap malu dalam diri **kecuali**
- A Hidup akan jadi keluh kesah.
 - B Sentiasa hidup bergelumang dosa.
 - C Dapat memantapkan keimanan.
 - D Akan dikeji orang lain.
16. Berikut merupakan tuntutan Rasulullah SAW terhadap musyrikin semasa pembukaan kota Mekah **kecuali**
- A Bayaran denda kepada keluarga Bani Khuza'ah.
 - B Mengutuk perbuatan Bani Bakar.
 - C Perdamaian antara dua pihak.
 - D Berperang dengan tentera Islam.
17. Pilih adab-adab menuntut ilmu.
- I Memanfaatkan masa lapang dengan perkara yang berfaedah.
 - II Malu bertanya perkara yang kurang difahami.
 - III Niat yang ikhlas kerana Allah SWT.
 - IV Belajar untuk mendapat pekerjaan yang baik.
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan III
 - D I dan IV
18. Antara yang berikut yang manakah cara mengamalkan sikap qana'ah dalam hidup?
- A Bersyukur dan reda dengan nikmat yang diperoleh.
 - B Malas bekerja dan sering meminta-minta.
 - C Hidup dikelilingi dengan kemewahan.
 - D Tidak yakin dengan janji Allah SWT.
19. Antara yang berikut pernyataan yang manakah menunjukkan sikap qana'ah?
- A Sentiasa melihat ke atas dalam hal keduniaan.
 - B Yakin dengan ketentuan qadak dan qadar.
 - C Iri hati dengan kemewahan yang dimiliki orang lain.
 - D Yakin kemewahan adalah hasil usahanya semata-mata.
20. Manakah antara yang berikut merupakan bahan yang tidak boleh digunakan untuk beristinjak?
- A Plastik
 - B Daun kering
 - C Kulit kayu
 - D Kertas

Jawab semua soalan

1. (a) Tulis (**X**) pada pernyataan yang menerangkan ciri orang yang beriman dan (**Y**) pada bukan ciri orang yang beriman di dalam kotak yang disediakan.

(i) Takut kepada Allah SWT.

☐

(ii) Enggan bertaubat atas dosa yang dilakukan.

☐

(iii) Mengutamakan kehidupan duniawi sahaja.

☐

(iv) Cinta yang mutlak hanya kepada Allah SWT.

☐

- (b) Isi tempat kosong dengan memilih jawapan yang betul.

Ulul Azmi

Mukjizat

Siddiq

25 orang

(i) Perkara luar biasa yang terjadi kepada nabi dan rasul dengan izin Allah.

(ii) Rasul yang banyak menerima cabaran dan dugaan semasa berdakwah.

(iii) Bilangan rasul yang wajib diketahui.

(iv) Para rasul mempunyai sifat benar dalam segala perkataan dan perbuatan.

3. (a) Tanda (**FA**) pada perkara fardhu ain dan (**FK**) pada perkara fardhu kifayah di dalam kotak yang disediakan.

(i) Menunaikan solat.

☐

(ii) Menguruskan jenazah.

☐

(iii) Menuntut ilmu.

☐

(iv) Mempelajari ilmu kedoktoran.

☐

(4 markah)

(b) Isi tempat kosong di bawah dengan pilihan jawapan yang sesuai.

sunat	lahad	wajib	makruh
-------	-------	-------	--------


(i) Liang _____ dibuat pada dinding yang kubur sekitarnya tanah keras.

(ii) Meletakkan jenazah di atas rusuk kanan dengan menghadap kiblat hukumnya _____.

(iii) Mendahulukan kepala jenazah ketika dihulurkan ke dalam kubur hukumnya _____.

(3 markah)

4. (a) Lengkapkan jadual di bawah dengan jawapan yang betul.



- (b) Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul dan (X) pada pernyataan yang salah mengenai hijrah Rasulullah SWT.

(4

No.	Pernyataan	Tanda (✓) atau (X)
(i)	Rasulullah SAW menerima wahyu Allah SWT supaya berhijrah ke Madinah.	
(ii)	Ketibaan Rasulullah SAW di Madinah tidak diterima oleh penduduknya.	
(iii)	Antara sebab hijrah ialah musyrikin Quraisy melakukan pelbagai bentuk penyiksaan terhadap umat Islam di Mekah.	

markah)

(C) Tandakan (✓) pada pernyataan yang menunjukkan sifat malu yang betul dan (X) pada pernyataan yang salah di dalam kotak jawapan yang disediakan.

(i) Malu untuk makan di khalayak ramai pada siang bulan Ramadan.

☐

(ii) Malu untuk bertanya perkara yang tidak difahami.

☐

(iii) Malu untuk solat di khalayak ramai.

☐

(iv) Malu untuk bersedekah kepada rakan susah.

☐

(4 markah)